



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN
GERAN *MALAYSIA LABORATORIES FOR
ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION*
(MyLAB)
(Pindaan Tahun 2024)**

**URUS SETIA MyLAB
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT (BKPI)
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
NO.TEL. : 03 – 8870 6979 / 6954 / 6956
NO.FAKS:03 – 88706867
E-mel: mylabbpki@mohe.gov.my**

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)	
1.1 Falsafah	4
1.2 Visi	4
1.3 Misi	4
1.4 Tujuan	4
BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
2.1 Skop MyLAB	5
2.2 Bidang Penyelidikan	5
2.3 Tempoh Penyelidikan	5
2.4 Siling Peruntukan	5
2.5 Syarat-syarat permohonan	
2.5.1 Teknologi/Produk yang Dicadangkan	6
2.5.2 Lokasi	6
2.5.3 Universiti Peneraju	6-7
2.5.4 Ketua Projek	7
2.5.5 Kolaborator	
2.5.5.1 Industri (Termasuk Syarikat Pemula/Hiliran)	8-9
2.5.5.2 Universiti Awam/Universiti Swasta/Institut Penyelidikan/ Agensi Kerajaan/Badan Bukan Kerajaan (NGO)	10
2.5.5 Deklarasi	10
2.6 Hasil Projek	10
BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
3.1 Saringan dan Penilaian Awal	11
3.2 Penilaian Permohonan Peringkat Universiti (Penilaian Dalaman)	12
3.3 Kriteria Penilaian Projek	12-13
3.4 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPT	13-14
3.5 Pelaksanaan Kajian Pengesahsahihan Pasaran	14
3.6 Carta Alir	
3.6.1 Proses Penilaian Permohonan	15
3.6.2 Proses Kelulusan Permohonan	16
BAHAGIAN 4 (PEMAKLUMAN KEPUTUSAN)	
4.1 Saringan Awal	17
4.2 Penilaian Cadangan Penuh (<i>Full Proposal</i>) Projek	17
4.3 Penyaluran Dana	17-18
4.4 Dokumen dan Ikatan Perjanjian	
4.4.1 Dokumen Perjanjian	18
4.4.2 Ikatan Perjanjian	19
BAHAGIAN 5 (PENGURUSAN DANA)	20-23
BAHAGIAN 6 (PEMANTAUAN PROJEK)	
6.1 Mekanisme Pemantauan Projek	24
6.2 Tindakan Terhadap Ketidapatuhan Pelaksanaan Projek	25

BAHAGIAN 7 (TERMA RUJUKAN)

7.1 Unversiti Peneraju	26
7.2 Ketua Projek	26
7.3 Kolaborator	
7.3.1 Industri (Termasuk Syarikat Pemula/Hiliran)	27
7.3.2 Universiti Awam/Universiti Swasta/Institut Penyelidikan/ Agensi Kerajaan/Badan Bukan Kerajaan (NGO)	27
7.4 Pusat Pemindahan Teknologi (TTO)/Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)/pejabat setara di Universiti	27-28

BAHAGIAN 8 (PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK)

8.1 Syarat-Syarat dan Peraturan Pelaksanaan Projek	29
8.2 Penyediaan Lembaran Jangka (<i>Term Sheet</i>) Perjanjian Projek	30-31
8.3 Penutupan Projek	31-32

BAHAGIAN 9 (PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN)

9.1 Perolehan Aset, Bekalan dan Perkhidmatan	33
9.2 Pengurusan Aset dan Inventori	33-34

BAHAGIAN 10 (PASCA PELAKSANAAN PROJEK) 35

LAMPIRAN

Lampiran I : NASA <i>Technology Readiness Level (TRL)</i>	36
Lampiran II : <i>Deliverables</i> dan Pencapaian Selepas Tempoh Enam (6) Bulan Pertama Pelaksanaan Projek	37
Lampiran III : Borang Laporan Prestasi Kemajuan Projek (a)	38
: Borang Laporan Kewangan Projek (b)	39
Lampiran IV : Contoh Format Penyediaan Lembaran Jangka (<i>Term sheet</i>) Perjanjian Perlesenan Teknologi antara Universiti Peneraju dan Kolaborator Industri	40-41
Lampiran V : Format Penyediaan Laporan Akhir Projek	42
Lampiran VI : Matriks/Rubrik Pemarkahan Pencapaian Keseluruhan Pelaksanaan Projek	43
Lampiran VII : Perkara-Perkara yang Perlu Dinyatakan dalam Pelaporan Projek bagi Tempoh Dua (2) Tahun Selepas Projek Tamat	44

MAKLUMAT URUS SETIA 45

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 FALSAFAH

Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) ditubuhkan sebagai langkah merealisasikan jaringan kolaborasi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan sektor industri.

Program ini bertujuan menghubungkan jurang (*bridging the gap*) pengkomersialan produk penyelidikan dengan menyediakan **dana pra pengkomersialan** yang melibatkan kerjasama akademik dan industri, seiring dengan tuntutan pertumbuhan teknologi dan inovasi tempatan serta pemindahan ilmu.

MyLAB diharap berupaya memacu pengkomersialan produk/teknologi hasil penyelidikan bagi mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang keluaran termaju (*cutting edge*).

MyLAB juga dapat membina kerjasama IPT dengan sektor industri bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan dan pengkomersialan.

1.2 VISI MyLAB

Melengkapkan ekosistem inovasi yang menyokong pengkomersialan produk melalui kolaborasi akademik bersama industri.

1.3 MISI MyLAB

- Menyediakan dana untuk pembangunan *produk untuk menghasilkan “*minimum viable product*” yang sedia untuk diterima pakai pada skala **pra pengkomersialan**.
- Mewujudkan perkongsian lestari di antara akademik dan industri yang berfokuskan produk hasil daripada penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

1.4 TUJUAN

Program MyLAB bertujuan untuk membangun dan memantapkan produk hasil daripada penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk mengurangkan jurang pengkomersialan.

**Produk: merangkumi teknologi atau perkhidmatan*

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak JPT, KPT akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan Geran *Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration (MyLAB)* melalui surat rasmi kepada Universiti Awam dan Universiti Swasta (*Government Linked University (GLU)*) selaku Universiti Peneraju. Universiti Peneraju perlu membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan mengikut ketetapan JPT, KPT.

2.1 SKOP MyLAB

- i. Mempunyai *produk (sedia ada) yang telah dibangunkan oleh akademia pada sekurang-kurangnya TRL 5 dan boleh dikomersialkan; atau
- ii. Permasalahan *produk daripada industri yang mampu diselesaikan oleh akademia melalui kolaborasi.

2.2 BIDANG PENYELIDIKAN

Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE - Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi **salah satu (1)** daripada sepuluh (10) Pemacu Sosioekonomi seperti berikut:

- i. Tenaga (*Energy*);
- ii. Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (*Business and Financial Services*);
- iii. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (*Culture, Arts and Tourism*);
- iv. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (*Medical and Healthcare*);
- v. Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu (*Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing)*));
- vi. Bandar Pintar dan Pengangkutan (*Smart Cities and Transportation*);
- vii. Air dan Makanan (*Water and Food*);
- viii. Pertanian dan Perhutanan (*Agriculture and Forestry*);
- ix. Pendidikan (*Education*); atau
- x. Alam Sekitar dan Biodiversiti (*Environment and Biodiversity*).

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh maksimum projek adalah dua (2) tahun.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Jumlah dana MyLAB yang dimohon adalah tidak melebihi RM3 juta.

*Produk: merangkumi teknologi atau perkhidmatan

2.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

2.5.1 TEKNOLOGI/PRODUK YANG DICADANGKAN

2.5.1.1 Telah mencapai sekurang-kurangnya TRL 5 dan berpotensi untuk dikomersialkan.

2.5.1.2 Harta intelek yang telah difailkan.

2.5.2 LOKASI

2.5.2.1 Projek hendaklah dilaksanakan di dalam negara.

2.5.2.2 Lokasi aset dan peralatan perlu diletakkan di universiti. Sekiranya aset dan peralatan perlu diletakkan di premis industri secara kekal, perkara ini perlu dinyatakan dengan jelas dalam kertas cadangan dan industri hendaklah membiayai 50% daripada nilai aset tersebut.

2.5.3 UNIVERSITI PENERAJU

2.5.2.1 Berkemampuan menyelesaikan masalah industri yang dikenal pasti melalui kerjasama universiti dan industri.

2.5.2.2 Keutamaan diberikan kepada universiti yang telah bekerjasama dengan industri bagi projek yang dimohon.

2.5.2.3 Universiti Peneraju adalah daripada Universiti Awam atau Universiti Swasta (*Government Linked University (GLU)*).

2.5.2.4 Projek yang melibatkan kolaborasi dengan universiti lain, dana perlu diagihkan mengikut peranan sumbangan universiti berkenaan dan dinyatakan dengan jelas dalam kertas cadangan asal.

2.5.2.5 Projek yang sedang atau dalam tempoh pelaksanaan hendaklah tamat sepenuhnya sebelum mengemukakan permohonan baharu bagi geran MyLAB.

2.5.2.6 Permohonan mestilah **disyorkan** oleh Pusat Pemindahan Teknologi (TTO)/Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)/pejabat setara di Universiti dan permohonan terhad kepada maksimum tiga (3) cadangan projek bagi setiap kitaran.

- 2.5.2.7 Permohonan yang pernah ditolak sekiranya dikemukakan semula, dokumen sokongan perlu dilampirkan untuk menunjukkan perbezaan dan penambah baikan.
- 2.5.2.8 Cadangan projek perlu dibentangkan di peringkat '*project pitching*' oleh TNCPI/Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti.
- 2.5.2.9 Pihak Universiti Peneraju tidak boleh mengenakan sebarang caj pengurusan/pentadbiran/perkhidmatan/perundingan atau seumpamanya bagi sumbangan industri yang berkaitan pelaksanaan projek ini.

2.5.4 KETUA PROJEK

- 2.5.4.1 Ketua Projek adalah seorang warganegara Malaysia dan kakitangan akademik yang berjawatan tetap.
- 2.5.4.2 Ketua Projek mesti mempunyai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun berbaki dari tarikh tutup permohonan.
- 2.5.4.3 Ketua Projek mesti mempunyai rekod prestasi penyelidikan (geran, penerbitan dan pelajar pasca siswazah) dan kepakaran dalam bidang yang dimohon.
- 2.5.4.4 Ketua Projek perlu menyatakan pengalaman penyelidikan di dalam CV dengan jelas terutamanya yang berkaitan dengan projek yang dimohon.
- 2.5.4.5 Ketua Projek yang tidak lagi berkhidmat di Universiti Peneraju hendaklah melepaskan jawatan sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 2.5.4.6 Kakitangan akademik yang dipinjamkan ke agensi lain, bercuti belajar, sandaran industri, cuti sabbatical dan bercuti melebihi jangka masa enam (6) bulan tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.5.4.7 Ketua Projek perlu melepaskan kedudukan sebagai ketua apabila tidak dapat menjalankan peranannya melebihi tempoh tiga (3) bulan dan perlu mengemukakan permohonan pertukaran kepada Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Cuti belajar / cuti tanpa gaji / sangkutan industri / pasca doktoral atau seumpamanya;
- ii. Bersara / tamat perkhidmatan;
- iii. Dipinjamkan / berpindah ke organisasi lain;
- iv. Sakit; atau
- v. Sebab-sebab lain (perlu mendapat perakuan TTO/RMC/pejabat setara di Universiti).

2.5.4.8 Ketua Projek perlu menamakan Ketua Projek Seterusnya (*Next Appointed Leader*) daripada Universiti Peneraju yang sama. Syarat penamaan tertakluk kepada Perkara No.2.5.4.

2.5.5 KOLABORATOR

2.5.5.1 INDUSTRI (TERMASUK SYARIKAT PEMULA/HILIRAN)

- 2.5.5.1.1 Industri yang terlibat mesti mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 51% oleh syarikat atau warganegara Malaysia.
- 2.5.5.1.2 Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) mempunyai sekurang-kurangnya RM100,000.00 modal berbayar.
- 2.5.5.1.3 Peranan dan sumbangan industri dinyatakan dengan jelas di dalam kertas cadangan (agihan kerja dan kos projek).
- 2.5.5.1.4 Pihak industri mesti memberi sumbangan kewangan sekurang-kurangnya 5% daripada nilai projek keseluruhan yang dibiayai oleh JPT, KPT melalui perolehan dan pembelian bahan guna habis (Vot 27000) atau aset dan peralatan (Vot 35000) untuk pembangunan projek dalam tempoh pelaksanaan projek berdasarkan carta perbatuan (*milestone*).
- 2.5.5.1.5 Sumbangan industri 5% tersebut adalah dalam bentuk tunai dan perlu disalurkan sepenuhnya kepada universiti dalam tempoh enam (6) bulan kedua pelaksanaan projek.
- 2.5.5.1.6 Semua pembelian aset dan peralatan hendaklah mengikut prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan Arahan Perbendaharaan semasa yang berkuat kuasa dan mengemukakan bukti transaksi bagi pembelian tersebut oleh industri kepada JPT, KPT.
- 2.5.5.1.7 Pihak industri kolaborasi hendaklah bekerjasama dengan kumpulan penyelidik dalam penyediaan spesifikasi aset dan peralatan yang berkaitan.

- 2.5.5.1.8 Sebarang sumbangan tambahan faedah berbentuk benda (*in kind*) daripada industri mesti dinyatakan dengan jelas setiap perkara dan aktiviti yang disumbangkan.
- 2.5.5.1.9 Industri yang telah mempunyai kolaborasi, memberi sumbangan dari segi kewangan atau peralatan yang berterusan kepada universiti terbabit akan diberi keutamaan semasa penilaian.
- 2.5.5.1.10 Kredibiliti dan Kemampuan Industri – Industri menunjukkan kemampuan teknikal dan pengalaman dalam sektor yang relevan dan bersesuaian dengan projek yang dimohon serta mempunyai rekod pencapaian dan justifikasi yang kukuh untuk menyumbang ke arah kejayaan projek ini.
- 2.5.5.1.11 Keupayaan Kewangan Industri – Pihak industri mesti menunjukkan bukti keupayaan kewangan untuk menyumbang sekurang-kurangnya 5% daripada projek yang dimohon.
- 2.5.5.1.12 Pihak industri hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut:
- i. Profil syarikat industri kolaborasi;
 - ii. Borang 9, 24, dan 49 atau Borang Teras (Akta Syarikat 2016) bersama dengan laporan tahunan terkini;
 - iii. Memorandum Perjanjian (MoA) atau Memorandum Persefahaman (MoU) atau lain-lain dokumen yang berkaitan antara industri dan universiti atau yang telah dipersetujui sebelum permohonan dibuat;
 - iv. Sijil insolvensi terkini daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (industri sahaja); dan
 - v. Laporan akaun beraudit untuk tempoh dua (2) tahun ke belakang.
- 2.5.5.1.13 Industri hendaklah membiayai 50% daripada nilai aset yang diletakkan di premis industri secara kekal dan perbelanjaan ini tidak termasuk sumbangan 5% yang ditetapkan kepada industri atau mana-mana nilai yang tertinggi.
- 2.5.5.1.14 Pertukaran kolaborator industri adalah tidak digalakkan sepanjang penilaian dan pelaksanaan projek. Sebarang perubahan berserta justifikasi perlu dikemukakan dan mendapat kelulusan daripada pihak JPT, KPT.

2.5.5.2 UNIVERSITI AWAM/UNIVERSITI SWASTA/INSTITUT PENYELIDIKAN/AGENSI KERAJAAN/BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

2.5.5.2.1 Universiti Peneraju juga boleh melibatkan Universiti Awam/Universiti Swasta/Institut Penyelidikan/Agensi Kerajaan/Badan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai kolaborator **sekiranya perlu**.

2.5.6 DEKLARASI

2.5.6.1 Deklarasi perlu dinyatakan dengan jelas sekiranya terdapat konflik kepentingan (*conflict of interest*) antara ahli kumpulan projek, kolaborator serta pembekal peralatan/perkhidmatan contohnya dari aspek hubungan kekeluargaan, kenalan dan pemegang saham industri kolaborasi.

2.6 HASIL PROJEK

2.6.1 “*Minimum viable product*” yang telah diuji dan sedia untuk diterima pakai pada skala pra pengkomersialan.
(*sumber : NASA Technology Readiness Level (TRL) seperti di Lampiran I*)

2.6.2 Harta intelek (IP) baharu yang dihasilkan daripada projek perlu difailkan sebagai milik universiti dan/atau milik bersama antara semua kolaborator namun tertakluk kepada perjanjian antara semua kolaborator.

2.6.3 Dokumentasi pemindahan teknologi dan ‘*know how*’ di antara universiti dan industri dan sebaliknya.

2.6.4 Laporan kemajuan secara berkala setiap enam (6) bulan atau apabila diperlukan dan laporan akhir projek.

2.6.5 Video korporat yang berdurasi selama tiga (3) hingga lima (5) minit yang menunjukkan pencapaian, kejayaan dan jangkaan impak di akhir projek.

2.6.6 Penulisan jurnal dengan industri adalah digalakkan dengan syarat ianya tidak menjejaskan permohonan harta intelek (IP) dan proses pengkomersialan.

2.6.7 Perancangan dan model perniagaan bagi produk yang dihasilkan perlulah berdaya maju dan berdaya saing.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 SARINGAN DAN PENILAIAN AWAL

3.1.1 Pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlu membuat saringan awal dan mengemukakan/mengesyorkan maksimum tiga (3) cadangan projek yang berpotensi bagi setiap kitaran.

3.1.2 Pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlu menyediakan maklumat berkenaan '*project pitching*' yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

A. Maklumat daripada Universiti

- i) Pernyataan masalah
- ii) Objektif projek
- iii) Pembuktian konsep (POC) dan latar belakang penyelidikan yang berkaitan
- iv) Peringkat TRL berserta bukti
- v) Harta intelek (IP) yang telah difailkan
- vi) Sasaran peringkat TRL
- vii) Jangkaan hasil projek
- viii) Kredibiliti dan komitmen kumpulan penyelidik

B. Maklumat daripada Industri

- i) Peringkat TRL
- ii) Kredibiliti dan kemampuan industri
- iii) Peringkat kolaborasi bersama industri (*Collaboration synergy*)
 - tempoh kolaborasi
 - permintaan pasaran
 - harta intelek (IP) yang telah difailkan
- iv) Sasaran pasaran
 - segmen dan saiz pasaran
- v) Perancangan perniagaan
 - lembaran jangka (*term sheet*)

3.1.3 '*Project pitching*' ini perlu dibentangkan oleh TNCPI/Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti berdasarkan format yang akan ditetapkan oleh JPT, KPT.

3.2 PENILAIAN PERMOHONAN PERINGKAT UNIVERSITI (PENILAIAN DALAMAN)

- 3.2.1 Penilaian dalaman mesti dilaksanakan di peringkat universiti sebelum dimajukan kepada JPT, KPT untuk penilaian seterusnya.
- 3.2.2 Pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlu melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang panel penilai dari aspek teknikal dan komersial yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang yang berkaitan.
- 3.2.3 Panel penilai akan menilai dan memberi syor kepada TTO/RMC/pejabat setara di Universiti.
- 3.2.4 Laporan penilaian panel dalaman universiti perlu dikemukakan bersama dokumen permohonan.
- 3.2.5 Perakuan TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai.

3.3 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

- 3.2.1 Projek yang dicadangkan mesti mempunyai elemen teknologi atau inovasi bagi pengkomersialan produk atau servis.
- 3.2.2 Projek mesti mempunyai prototaip/proses/perkhidmatan dengan bukti kukuh yang disokong oleh pembuktian secara konsep (*Proof of Concept* (POC)) sekurang-kurangnya mencapai TRL 5.
- 3.2.3 Kriteria berikut akan diambil kira dalam proses penilaian:
 - 3.3.3.1 Kebaharuan (*Novelty*) – Projek mestilah mempunyai ciri-ciri keunikan dan tempatan dalam aspek teknologi/produk/servis. Pemohon perlu melaksanakan usaha wajar (*due diligence*) untuk memastikan teknologi/produk/servis yang boleh berdaya saing di pasaran dan boleh dilindungi di bawah Akta Harta Intelek;
 - 3.3.3.2 Kebolehlaksanaan Teknikal – Permohonan akan dinilai berdasarkan kemampuan kumpulan penyelidik untuk melaksanakan projek dengan jayanya dalam jangka masa yang ditetapkan;

- 3.3.3.3 Kebolehlaksanaan Komersial – Permohonan akan dinilai berdasarkan perancangan perniagaan yang lengkap dan berdaya saing;
- 3.3.3.4 Kolaborator industri yang dipilih perlulah sebuah syarikat yang berwibawa, berpengalaman, mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan bebas daripada sebarang tindakan undang-undang dan mematuhi syarat permohonan seperti dinyatakan di Perkara No.2.5.4;
- 3.3.3.5 Kebolehjayaan Projek – Projek mesti menghasilkan “*minimum viable product*” yang sedia untuk diuji pada skala pra pengkomersialan. Ia mesti jelas, tepat dan konsisten serta memenuhi ciri-ciri kehendak pasaran. Cadangan projek mesti mempunyai carta perbatuan (*milestone*) dan aktiviti yang boleh dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan;
- 3.3.3.6 Metodologi – Perlu menghuraikan metodologi dengan lengkap (turutan dan fasa yang jelas) dan mengambil kira aspek pra pengkomersialan untuk membolehkan penilai menentukan sama ada metodologi yang akan digunakan sesuai dan mencukupi untuk mencapai objektif projek;
- 3.3.3.7 Perancangan Kos Projek – Perancangan yang terperinci bagi kos projek hendaklah disertakan; dan
- 3.3.3.8 Sebarang dokumen tambahan dan sokongan yang berkaitan wajib dilampirkan.

3.4 PENILAIAN PERMOHONAN PERINGKAT JPT, KPT

- 3.4.1 Permohonan akan dinilai mengikut bidang penyelidikan yang telah ditetapkan.
- 3.4.2 Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut seperti dalam Garis Panduan Geran MyLAB (Pindaan Tahun 2024).
- 3.4.3 Permohonan yang disenarai pendek akan dijemput untuk membuat pembentangan dan menunjukkan prototaip yang berfungsi semasa sesi pembentangan tersebut.
- 3.4.4 Lawatan tapak dan kesediaan makmal bagi tujuan verifikasi dan penilaian akan dilaksanakan dan pemohon perlu memastikan setiap prototaip/proses/perkhidmatan yang sedia ada dipamer dan dalam keadaan siap dan berfungsi semasa lawatan tapak tersebut. Pembuktian konsep (POC) mengikut peringkat TRL yang dimohon juga perlu dibuktikan.


- 3.4.5 Hanya permohonan yang melebihi peringkat penilaian ini akan disyorkan untuk pelaksanaan kajian pengesahsahihan pasaran.
- 3.4.6 Permohonan yang melebihi kajian pengesahsahihan pasaran akan dipertimbangkan di peringkat *Board of Governors* (BOG) untuk perakuan dan kelulusan.

3.5 PELAKSANAAN KAJIAN PENGESAHSAHIHAN PASARAN

- 3.5.1 Permohonan yang berjaya disenarai pendek perlu menyediakan kanvas modal perniagaan (BMC) yang akan disahkan bersama pihak JPT, KPT.
- 3.5.2 Kajian pengesahsahihan pasaran akan dilaksanakan dan diuruskan oleh pihak JPT, KPT merangkumi perkara-perkara seperti berikut:
- a) cadangan segmen pasaran
 - b) permasalahan (*pain point*)
 - c) tawaran nilai (*value proposition*)
 - d) potensi pengkomersialan
 - e) lain-lain perkara yang berkaitan


3.6 CARTA ALIR

3.6.1 Carta alir bagi proses penilaian permohonan geran adalah seperti berikut:



Rajah 1 : Carta Alir Proses Penilaian Permohonan

3.6.2 Carta alir bagi proses kelulusan sehingga penawaran geran adalah seperti berikut:



Rajah 2 : Carta Alir Proses Kelulusan Permohonan

BAHAGIAN 4

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

4.1 SARINGAN AWAL

- 4.1.1 Keputusan saringan awal akan dimaklumkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan salinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif Universiti, Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti Peneraju serta Ketua Projek.
- 4.1.2 Projek yang berjaya akan ditawarkan untuk mengemukakan permohonan cadangan penuh (*full proposal*) geran MyLAB.

4.2 PENILAIAN CADANGAN PENUH (*FULL PROPOSAL*) PROJEK

- 4.2.1 Keputusan penilaian cadangan penuh (*full proposal*) projek akan dimaklumkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan salinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif Universiti, Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti Peneraju serta Ketua Projek.

4.3 PENYALURAN DANA

- 4.3.1 Dana Awal (*Seed Fund*) berjumlah RM100,000.00 atau kos untuk mencapai *Milestone 1*, yang mana lebih rendah akan disalurkan bagi pelaksanaan projek untuk tempoh enam (6) bulan pertama. Jumlah ini adalah merangkumi 80% dana daripada JPT, KPT manakala baki 20% daripada Universiti Peneraju sebagai komitmen wajib bagi tempoh yang ditetapkan.
- 4.3.2 Dana fasa seterusnya hanya akan disalurkan setelah :
- i. *deliverables* termasuk perbelanjaan dana dalam tempoh enam (6) bulan pertama telah tercapai (seperti di Lampiran II);
 - ii. perbelanjaan semasa mencapai minimum 80% daripada dana yang telah disalurkan; dan
 - iii. prestasi kemajuan disahkan semasa lawatan pemantauan.
- 4.3.3 Penyaluran dana bagi setiap enam (6) bulan secara berkala adalah mengikut unjuran sebenar selepas lawatan pemantauan. Walau bagaimanapun, jumlah unjuran tidak boleh melebihi unjuran asal yang diluluskan.

- 4.3.4 Sekiranya projek mencapai tahap kemajuan yang memuaskan dalam tempoh enam (6) bulan pertama, baki dana akan disalurkan secara berperingkat mengikut prestasi kemajuan projek.
- 4.3.5 Universiti Peneraju perlu menyatakan dan menyalurkan jumlah dana kepada kolaborator (sekiranya ada) mengikut jumlah yang telah dipersetujui dan berdasarkan kertas cadangan asal.
- 4.3.6 Sekiranya laporan prestasi kemajuan projek tidak mengikut cadangan penyelidikan, pihak JPT, KPT berhak untuk menanggunghkan penyaluran dana seterusnya.

4.4 DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN

4.4.1 Dokumen Perjanjian

- 4.4.1.1 Terdapat empat (4) dokumen perjanjian yang perlu ditandatangani sepanjang pelaksanaan projek seperti berikut:
- i) Memorandum Perjanjian (MoA) Dana MyLAB Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama Universiti Peneraju;
 - ii) Perjanjian kerjasama (*collaboration agreement*) bersama semua kolaborator dan peranan setiap kolaborator perlu dinyatakan dengan jelas;
 - iii) Memorandum Perjanjian (MoA) merangkumi terma kolaborasi antara Universiti Peneraju dengan kolaborator industri; dan
 - iv) Perjanjian Pemindahan Teknologi (*Technology Transfer Agreement*)/Perjanjian Pengkomersialan (*Commercialisation Agreement*) antara Universiti Peneraju dengan kolaborator industri sebelum projek tamat dan tidak terhad kepada teknologi perlesenan.
- 4.4.1.2 Hak pengagihan harta intelek antara pihak yang terlibat perlu mematuhi Polisi Harta Intelek Negara dan polisi sedia ada di Universiti.
- 4.4.1.3 Semua perjanjian perlu disemak dan diluluskan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) Universiti sebelum ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa untuk menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak Universiti.

- 4.4.1.4 Perjanjian di 4.4.1.1 (i) perlu ditandatangani sebelum Dana Awal disalurkan.
- 4.4.1.5 Perjanjian di 4.4.1.1 (ii) dan (iii) perlu ditandatangani dalam tempoh enam (6) bulan pertama pelaksanaan projek untuk memastikan baki dana disalurkan secara berperingkat bagi pelaksanaan projek.
- 4.4.1.6 Perjanjian di 4.4.1.1 (iv) perlu ditandatangani sebelum projek tamat bagi memastikan bahawa terdapat pemindahan teknologi antara universiti dan kolaborator industri.
- 4.4.1.7 Dua (2) salinan asal setiap perjanjian perlu dikemukakan kepada JPT, KPT bagi tujuan rekod.

4.4.2 Ikatan Perjanjian

- 4.4.2.1 Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara Universiti Peneraju dan kolaborator.

BAHAGIAN 5

PENGURUSAN DANA

- 5.1 Perancangan Dana Awal yang akan disalurkan untuk enam (6) bulan pertama perlu dikemukakan secara bertulis dan diluluskan oleh JPT, KPT.
- 5.2 Bagi Universiti Awam dan Universiti Swasta, semua perbelanjaan dana perlu mematuhi prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan Arahan Perbendaharaan semasa yang berkuat kuasa.
- 5.3 Sebarang perubahan perbelanjaan perlu mendapat kelulusan bertulis daripada pihak JPT, KPT.
- 5.4 Semua dana perlu diuruskan sepenuhnya oleh pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti dan tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti/individu.
- 5.5 Dana hanya boleh digunakan untuk aktiviti yang diluluskan oleh pihak JPT, KPT untuk perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.5.1 Vot 11000

(Emolumen dan Elaun)

- 5.5.1.1 Kakitangan sepenuh masa yang dibayar mesti berstatus warganegara Malaysia.
- 5.5.1.2 Kakitangan sepenuh masa yang dilantik bagi melaksanakan projek hendaklah bukan berstatus pelajar dan mengikut kadar yang sedia ada di Universiti.
- 5.5.1.3 Bayaran bagi emolumen/elaun perlu memenuhi peraturan kewangan sedia ada. Proses lantikan, siling emolumen dan surat lantikan dibuat oleh Universiti. Pembiayaan untuk sumber manusia hanya boleh digunakan oleh Universiti sahaja bagi kakitangan sepenuh masa sehingga maksimum 30% daripada jumlah keseluruhan dana.
- 5.5.1.4 Proses pelantikan kakitangan sepenuh masa yang dilantik secara kontrak hendaklah diuruskan oleh pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti.
- 5.5.1.5 Pembayaran gaji bagi kakitangan lantikan secara kontrak hendaklah mengikut kelayakan/pengalaman.
- 5.5.1.6 Pelantikan individu yang tidak mempunyai kelayakan yang berkaitan hanya boleh dipertimbangkan dengan justifikasi oleh Ketua Projek.

5.5.2 **Vot 21000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

- 5.5.2.1 Jumlah perbelanjaan hanya untuk aktiviti yang berkaitan dengan projek sahaja dan tidak boleh melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan projek. Sekiranya dana melebihi 5%, justifikasi kukuh perlu dikemukakan.
- 5.5.2.2 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan dengan projek. Tuntutan yang dikemukakan mesti mengikut kelayakan dan melalui proses yang ditentukan oleh universiti.
- 5.5.2.3 Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria di bawah:-
- i. Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan JPT, KPT melalui Borang eOTR;
 - ii. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dimohon;
 - iii. Penyelidik dari universiti sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut; dan
 - iv. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal daripada segi keperluan, kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

5.5.3 **Vot 24000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

- 5.5.3.1 Sewaan hanya dibenarkan sepanjang tempoh pelaksanaan projek untuk peralatan, ruang makmal, bangunan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek.

5.5.4 **Vot 27000**

(Bekalan dan Bahan Projek)

- 5.5.4.1 Hanya perbelanjaan untuk bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.

5.5.5 **Vot 28000**

(Baik pulih kecil dan ubahsuai)

5.5.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap makmal dan peralatan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan dan terhad kepada 5% daripada jumlah dana. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab universiti.

5.5.6 **Vot 29000**

(Perkhidmatan Ikhtisas)

5.5.6.1 Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium (bukan ahli kumpulan), perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan perisian komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas sokongan yang berkaitan dengan projek.

(Perkhidmatan Khas)

5.5.6.2 Penyediaan dan pendaftaran harta intelek (IP).

5.5.6.3 Mendapatkan sijil piawaian.

5.5.6.4 Ujian pra-klinikal mengikut keperluan Badan Kawal selia.

5.5.6.5 Proses pengujian dan pensijilan yang berkaitan dengan projek perlu dirancang lebih awal enam (6) bulan sebelum tamat projek.

5.5.7 **Vot 35000**

(Aksesori dan Peralatan)

5.5.7.1 Hanya pembelian peralatan dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek dibenarkan sehingga maksimum 40% daripada jumlah keseluruhan dana. Senarai dan justifikasi serta sebut harga alat yang dimohon perlu dikemukakan.

5.5.7.2 Sebarang peralatan dan perisian yang dibeli menggunakan dana MyLAB merupakan hak milik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Walau bagaimanapun, selepas projek tamat, semua peralatan yang dibeli hendaklah diselenggarakan oleh universiti/industri mengikut ketetapan dokumen perjanjian yang telah ditandatangani oleh semua kolaborator.

5.6 Pembelian ke atas produk/perkhidmatan yang berdaftar dengan <https://www.mysti.gov.my> (MySTI) adalah digalakkan.

5.7 Pembelian yang tidak dibiayai oleh geran MyLAB adalah seperti berikut :

- i. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/kartrij dan seumpamanya);
- ii. Pembelian peralatan storan data (seperti *external hardisk/pendrive/CD* dan seumpamanya);
- iii. Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
- iv. Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
- v. Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/kertas/meja/kerusi dan seumpamanya);
- vi. Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di institusi masing-masing atau di kolaborator industri;
- vii. Penganjuran dan kehadiran ke pameran, persidangan, simposium dan lain-lain;
- viii. Pameran atau pertandingan inovasi; dan
- ix. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

5.8 Walau bagaimanapun, sekiranya butiran di Perkara No. 5.7 (i) hingga (iii) adalah penting dan berkait secara langsung dengan pelaksanaan projek, Ketua Projek hendaklah menyatakan dalam kertas cadangan berserta justifikasi keperluan yang kukuh dan jelas.

5.9 Pihak Universiti Peneraju dan kolaborator IPT (sekiranya ada) tidak boleh mengenakan sebarang caj pengurusan/pentadbiran/perkhidmatan/perundingan atau seumpamanya bagi geran ini atau sumbangan industri yang berkaitan pelaksanaan projek.

BAHAGIAN 6

PEMANTAUAN PROJEK

6.1 MEKANISME PEMANTAUAN PROJEK

- 6.1.1 Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan sepanjang tempoh projek.
- 6.1.2 Untuk enam (6) bulan pertama, laporan prestasi kemajuan dan kewangan projek perlu dikemukakan kepada urus setia MyLAB. Lawatan tapak/pemantauan akan dilakukan sekiranya perlu.
- 6.1.3 Laporan seterusnya perlu dikemukakan setiap enam (6) bulan sehingga tamat projek. Format pelaporan status prestasi kemajuan projek dan kewangan adalah seperti di Lampiran III (a) dan (b). Laporan ini perlu disahkan oleh Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti.
- 6.1.4 Mekanisme pemantauan berdasarkan pencapaian kemajuan projek yang telah ditetapkan bagi setiap enam (6) bulan berikutnya:
 - 6.1.3.1 Ketua Projek, kolaborator, wakil TTO/RMC/pejabat setara di Universiti Peneraju dan industri perlu hadir dalam setiap sesi pembentangan.
 - 6.1.3.2 Laporan secara bertulis perlu dikemukakan dan disahkan oleh Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti Peneraju kepada urus setia MyLAB bagi tujuan rekod dan pemantauan;
 - 6.1.3.3 Ketua Projek perlu membentangkan Laporan Kemajuan Projek kepada panel penilai bagi tujuan penilaian dan bersedia menerima lawatan tapak dan pemantauan;
 - 6.1.3.4 Penilaian bersemuka secara berkala dan lawatan tapak/pemantauan projek oleh panel penilai juga akan dijalankan sekiranya perlu;
 - 6.1.3.5 Projek mesti dilaksanakan dengan mematuhi skop dan objektif asal yang diluluskan. Sebarang perubahan hendaklah perlu mendapat kelulusan JPT, KPT secara bertulis;
 - 6.1.3.6 Ketua Projek, kolaborator dan wakil TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlu mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua ulasan di dalam laporan pemantauan dan menghantar jawapan bertulis kepada JPT, KPT dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan laporan; dan
 - 6.1.3.7 Laporan kewangan dan dokumen perbelanjaan mengikut vot hendaklah dikemukakan kepada JPT, KPT setelah diluluskan dan disahkan oleh pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti Peneraju dan Bendahari Universiti Peneraju dan semua kolaborator.

6.2 TINDAKAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN PELAKSANAAN PROJEK

- 6.2.1 Pihak JPT, KPT berhak untuk menangguhkan penyaluran dana seterusnya atau menamatkan projek dalam enam (6) bulan pertama sekiranya:
- i. tiada prestasi kemajuan projek berdasarkan carta perbatuan (*milestone*) yang telah diluluskan; atau
 - ii. tidak mencapai *deliverables* pelaksanaan projek; atau
 - iii. hasil pemantauan yang tidak memuaskan; atau
 - iv. tidak mematuhi Terma Rujukan Pelaksanaan Projek.
- 6.2.2 Bagi tempoh pelaksanaan projek pada enam (6) bulan berikutnya, jika Perkara di No. 6.2.1 (i) hingga (iv) berlaku, pihak JPT, KPT berhak menamatkan projek dan menyenaraihitamkan Ketua Projek/Universiti Peneraju/kolaborator yang terlibat dari menerima geran MyLAB untuk tempoh tiga (3) tahun.
- 6.2.3 Untuk projek-projek yang ditamatkan, pihak universiti yang terlibat perlu memulangkan semula baki dana yang telah disalurkan dan pihak JPT, KPT berhak mengambil kembali segala aset yang telah dibeli.

BAHAGIAN 7

TERMA RUJUKAN

7.1 UNIVERSITI PENERAJU

7.1.1 Universiti Peneraju perlu memberi komitmen wajib berjumlah 20% daripada Dana Awal untuk pelaksanaan projek dalam tempoh enam (6) bulan pertama.

7.2 KETUA PROJEK

7.2.1 Ketua Projek mempunyai kepakaran/pengalaman dan trek rekod dalam projek yang dimohon.

7.2.2 Ketua Projek juga perlu berwibawa dan mempunyai kredibiliti keusahawanan.

7.2.3 Mematuhi Garis Panduan Geran MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan.

7.2.4 Menerajui dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas projek yang dimohon. Ketua Projek wajib hadir dan perlu memastikan semua kolaborator hadir di dalam setiap pembentangan prestasi kemajuan projek.

7.2.5 Menjalankan projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan dan memastikan pembahagian dana disalurkan kepada ahli kolaborasi seperti mana diluluskan oleh JPT, KPT.

7.2.6 Memastikan produk yang dihasilkan dipamer dalam keadaan siap dan berfungsi semasa lawatan tapak/pemantauan.

7.2.7 Membentang dan melaporkan secara bertulis kemajuan projek seperti yang telah ditetapkan. Butiran laporan perlu mengandungi prestasi keseluruhan projek, laporan kewangan, dan hal-hal yang berkaitan.

7.2.8 Ketua Projek bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan kemajuan projek.

7.3 KOLABORATOR

7.3.1 INDUSTRI (TERMASUK SYARIKAT PEMULA/HILIRAN)

- 7.3.1.1 Industri perlu memberikan komitmen yang dijanjikan di dalam kertas cadangan projek.
- 7.3.1.2 Bekerjasama bagi memastikan projek dijalankan mengikut perancangan semasa.
- 7.3.1.3 Industri perlu menyediakan kajian potensi pasaran dan maklumat pesaing bagi projek yang dimohon.
- 7.3.1.4 Menjalankan kajian pasaran terkini dan menyediakan perancangan perniagaan secara terperinci bagi persiapan pengkomersialan produk tersebut.
- 7.3.1.5 Bagi syarikat pemula/hiliran, Ketua Projek tidak boleh mewakili industri.
- 7.3.1.6 Wajib hadir dalam setiap pembentangan dan lawatan tapak. Tindakan akan diambil sekiranya wakil industri gagal menghadiri sesi pembentangan dan lawatan tapak/pemantauan.

7.3.2 UNIVERSITI AWAM/UNIVERSITI SWASTA/INSTITUT PENYELIDIKAN/ AGENSI KERAJAAN/BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- 7.3.2.1 Mematuhi Garis Panduan Geran MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan.
- 7.3.2.2 Menjalankan aktiviti projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.

7.4 PUSAT PEMINDAHAN TEKNOLOGI (TTO)/PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)/PEJABAT SETARA DI UNIVERSITI

- 7.4.1 Menyelaraskan sebarang urusan berkenaan permohonan dan pelaksanaan projek.
- 7.4.2 Memaklumkan keputusan permohonan geran daripada Kementerian/ Agensi lain kepada pihak JPT, KPT bagi projek yang sama sepanjang tempoh penilaian projek.
- 7.4.3 Memastikan segala urusan pelaksanaan projek kepada pihak JPT, KPT dikemukakan melalui pejabat ini.

- 7.4.1 Mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada pihak JPT, KPT sekiranya terdapat perubahan dari cadangan asal projek.
- 7.4.4 Menilai cadangan projek secara terperinci dan memastikan setiap garis panduan dipatuhi.
- 7.4.5 Membuat pemilihan dan pembentangan projek yang dicadangkan di peringkat saringan awal.
- 7.4.6 Melantik dua (2) orang panel penilai dari aspek teknikal dan komersial untuk menilai permohonan projek di peringkat saringan awal di universiti.
- 7.4.7 Memastikan Ketua Projek, kolaborator dan pihak industri yang terlibat melaksanakan projek mengikut ketetapan dan peraturan yang ditetapkan.
- 7.4.8 Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan, pemprosesan dan pemantauan sepanjang perjalanan projek seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Geran MyLAB.
- 7.4.9 Memantau prestasi kemajuan, pencapaian carta perbatuan (*milestone*) dan perbelanjaan kewangan projek.
- 7.4.10 Mengesahkan laporan prestasi kemajuan projek sebelum dikemukakan kepada urus setia MyLAB.
- 7.4.11 Mengemaskini senarai aset yang dibiayai melalui dana MyLAB.
- 7.4.12 Wajib menghadiri setiap pembentangan dan lawatan tapak/pemantauan.
- 7.4.13 Bagi Universiti Awam dan Universiti Swasta, semua perbelanjaan dana perlu mematuhi prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan Arahan Perbendaharaan semasa yang berkuat kuasa.
- 7.4.14 Memastikan bahawa laporan perbelanjaan disahkan oleh pejabat Bendahari Universiti pada setiap kali lawatan pemantauan.
- 7.4.15 Pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti hendaklah menjalankan penilaian prestasi kemajuan projek di peringkat Universiti bagi projek yang dilaksanakan. Dokumen penilaian tersebut perlu dikemukakan semasa lawatan pemantauan secara berkala pada setiap enam (6) bulan dalam tempoh pelaksanaan projek.
- 7.4.16 Pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlu memantau perancangan projek dan aktiviti pengkomersialan secara berkala bagi setiap enam (6) bulan selama tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat.

BAHAGIAN 8


PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK

8.1 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK

- 8.1.1 Syarat-syarat dan peraturan pelaksanaan projek MyLAB di bawah JPT, KPT adalah seperti berikut:
- 8.1.1.1 Projek yang diluluskan dan menerima dana di bawah Geran MyLAB tidak dibenarkan menerima sebarang dana daripada Kementerian/Agensi lain dan sebaliknya bagi skop projek yang sama (Universiti Peneraju atau kolaborator);
 - 8.1.1.2 Ketua Projek dan kolaborator perlu mematuhi Garis Panduan Geran MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan;
 - 8.1.1.3 TNCPI berserta TTO/RMC/pejabat setara di Universiti perlu memastikan Ketua Projek dan kolaborator yang terlibat melaksanakan projek mengikut ketetapan dan peraturan yang disertakan;
 - 8.1.1.4 Mematuhi prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan Arahan Perbendaharaan semasa yang berkuat kuasa. Sekiranya Ketua Projek dan kolaborator gagal mematuhi garis masa projek (*timeline*) yang telah ditetapkan, maka Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berhak menangguhkan pembayaran kepada projek yang berkaitan sehinggalah perkara tersebut dapat diselesaikan, atau memberhentikan terus pembayaran sekiranya prestasi tidak memuaskan;
 - 8.1.1.5 Membentangkan dan melaporkan secara bertulis kemajuan projek berserta dengan laporan perbelanjaan yang terlibat perlu dikemukakan kepada urus setia MyLAB seperti dalam garis panduan bagi tujuan pemantauan dan tindakan selanjutnya;
 - 8.1.1.6 Dana akan disalurkan terus kepada Bendahari Universiti Peneraju yang terlibat. Pemantauan projek adalah di bawah tanggungjawab TNCPI dan TTO/RMC/pejabat setara di Universiti; dan
 - 8.1.1.7 Sebarang perubahan ke atas projek perlu mendapat kelulusan bertulis daripada JPT, KPT. Sekiranya Ketua Projek gagal berbuat demikian, tindakan sewajarnya akan diambil.

8.2 PENYEDIAAN LEMBARAN JANGKA (*TERM SHEET*) PERJANJIAN PROJEK

- 8.2.1 Lembaran jangka bagi projek yang dimohon adalah mengikut format di Universiti masing-masing dan perlu dikemukakan di peringkat penghantaran dokumen permohonan.
- 8.2.2 Lembaran jangka antara Universiti Peneraju dan semua kolaborator dengan mengambil kira perkongsian dan pemfailan harta intelek (IP), sumbangan kolaborator, aset dan peralatan yang telah disemak oleh Penasihat Undang-undang Universiti (PUU).
- 8.2.3 *Executive Council* (EC) MyLAB boleh memberikan sebarang cadangan penambahbaikan terhadap lembaran jangka bagi projek yang dimohon. Semua kolaborator perlu menandatangani lembaran jangka tersebut sebelum pelaksanaan kajian pengesahsahihan pasaran (*market validation study*).
- 8.2.4 Sekiranya Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani dan dikemukakan bersekali dengan dokumen permohonan, *Executive Council* (EC) MyLAB boleh mencadangkan lembaran jangka sebagai **Perjanjian Tambahan** (*supplementary agreement*) kepada MoA tersebut.
- 8.2.5 Draf Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Peneraju dan kolaborator yang dibangunkan berdasarkan lembaran jangka yang telah dipersetujui oleh semua pihak perlu disediakan sebelum pembentangan cadangan projek di peringkat *Board of Governors* (BOG) MyLAB.
- 8.2.6 *Board of Governors* (BOG) dan *Executive Council* (EC) MyLAB boleh memberikan sebarang cadangan penambahbaikan draf Memorandum Perjanjian (MoA) bagi projek yang dimohon.
- 8.2.7 Memorandum Perjanjian (MoA) seperti dinyatakan di Perkara No. 4.4.1.1 (iii) antara Universiti Peneraju dan kolaborator tersebut hendaklah ditandatangani dalam tempoh **ENAM (6) bulan** selepas perjanjian antara Universiti Peneraju dan pihak JPT, KPT ditandatangani. Format perjanjian tersebut adalah mengikut Universiti masing-masing dan perlu disemak dan diluluskan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) Universiti.
- 8.2.8 Carta alir bagi proses penyediaan dokumen perjanjian dan lembaran jangka perjanjian projek adalah seperti di Rajah 3.



Rajah 3 : Carta Alir Proses Penyediaan Dokumen Perjanjian dan Lembaran Jangka Perjanjian Projek

- 8.2.9 Dana fasa berikutnya selepas penyaluran Dana Awal (*Seed Fund*) hanya akan disalurkan selepas Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Peneraju dan kolaborator seperti dinyatakan di Perkara No. 4.4.1.1 (ii) dan (iii) ditandatangani atau **Perjanjian Tambahan** (*supplementary agreement*) ditandatangani (sekiranya perlu).
- 8.2.10 Perjanjian Pemindahan Teknologi (*Technology Transfer Agreement*)/Perjanjian Pengkomersialan (*Commercialisation Agreement*) antara Universiti Peneraju dengan kolaborator industri hanya akan ditandatangani sebelum projek tamat dan tidak terhad kepada teknologi perlesenan (Rujuk Lampiran IV).

8.3 PENUTUPAN PROJEK

- 8.3.1 Laporan akhir projek (berbentuk salinan cetak dan salinan digital) perlu dikemukakan kepada JPT, KPT dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format seperti ditetapkan oleh JPT, KPT (Lampiran V) dan perlu dihantar sebanyak lima (5) salinan.
- 8.3.2 Semua hasil projek seperti di Perkara No. 2.6 perlu lengkap dan siap sepenuhnya. Hasil projek tersebut perlu didokumentasikan (berbentuk salinan cetak dan salinan digital) dikemukakan kepada JPT, KPT
- 8.3.3 Kegagalan Ketua Projek dan semua ahli dalam mematuhi peraturan MyLAB akan menyebabkan Ketua Projek/Universiti Peneraju/kolaborator akan disenaraihitam untuk tempoh tiga (3) tahun dan dikecualikan daripada menerima mana-mana geran penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

- 8.3.4 Penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) perlu dinyatakan dengan jelas dalam setiap promosi atau penerbitan bercetak dan digital berkenaan projek MyLAB yang berjaya.
- 8.3.5 Pihak Universiti Peneraju, rakan industri dan kolaborator (sekiranya ada) hanya boleh menjelaskan tuntutan kewangan atau komitmen yang telah dikemukakan/dibuat sebelum tarikh tamat projek dan bayaran hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek.
- 8.3.6 Pihak Universiti Peneraju dan rakan industri dan kolaborator (sekiranya ada) perlu melaporkan baki dana bagi projek yang telah tamat.
- 8.3.7 Pencapaian keseluruhan pelaksanaan projek akan dinilai berdasarkan matriks/rubrik pemarkahan seperti di Lampiran VI.

BAHAGIAN 9

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

- 9.1 Bagi Universiti Awam dan Universiti Swasta (*Government Linked University (GLU)*) semua perbelanjaan dana perlu mematuhi prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan Arahan Perbendaharaan semasa yang berkuat kuasa.

9.4 PEROLEHAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- 9.4.1 Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dan dinyatakan dalam kertas cadangan yang diluluskan.
- 9.4.2 Sekiranya terdapat keperluan untuk membeli peralatan yang tiada dalam kertas cadangan, permohonan perlu dikemukakan melalui TTO/RMC/pejabat setara di Universiti untuk pertimbangan dan kelulusan pihak JPT, KPT.
- 9.4.3 Ketua Projek perlu memastikan dokumen permohonan yang lengkap dikemukakan melalui Pusat Pemindahan Teknologi (TTO)/Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)/pejabat setara di universiti masing-masing yang merangkumi justifikasi dan keperluan pembelian peralatan berserta dokumen sokongan (jika berkaitan).
- 9.4.4 Pembelian aset, bekalan dan perkhidmatan yang tiada dalam kertas cadangan yang diluluskan hanya boleh dilaksanakan selepas mendapat kelulusan bertulis daripada pihak JPT, KPT.

9.5 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

- 9.5.1 Pengurusan aset dan inventori adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti penerima geran. Aset menjadi hak milik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Walau bagaimanapun, selepas projek tamat, semua peralatan yang dibeli hendaklah diselenggarakan oleh universiti/industri berkenaan.
- 9.5.2 Setiap aset perlu didaftarkan, direkodkan, dilabelkan dengan nombor siri dan diurus mengikut prosedur yang telah ditetapkan di Universiti masing-masing.

- 9.5.3 Pemindahan lokasi bagi aset dan peralatan yang dibiayai oleh geran MyLAB perlu mendapat kelulusan secara bertulis daripada JPT, KPT dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di universiti masing-masing.
- 9.5.4 Perjanjian pajakan (*leasing agreement*) antara Universiti dan industri perlu ditandatangani sebelum tamat projek sekiranya aset tersebut ditempatkan di industri dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:
- i. Aset tidak boleh dijual tanpa kelulusan universiti dalam tempoh pajakan;
 - ii. Pemilikan aset tidak boleh dipindah milik dalam tempoh pelaksanaan projek sehingga tamat tempoh projek;
 - iii. Universiti dan industri perlu bertanggungjawab untuk menyelenggara dan membaik pulih aset sekiranya rosak sepanjang tempoh pelaksanaan projek; dan
 - iv. Kos penyelenggaraan/pembaikan/kalibrasi aset yang terlibat boleh dimasukkan dalam kontrak servis atau dokumen tender bagi aset yang bernilai RM200,000 dan ke atas.
- 9.5.5 Sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan di universiti masing-masing.

BAHAGIAN 10

PASCA PELAKSANAAN PROJEK

- 10.1 Perancangan projek dan aktiviti pengkomersialan akan dipantau secara berkala oleh pihak TTO/RMC/pejabat setara di Universiti. Laporan ini perlu dibentangkan dan dikemukakan kepada JPT, KPT bagi setiap enam (6) bulan selama tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat (Rujuk Lampiran VII).
- 10.2 Bagi projek yang berpotensi, EC dan BOG MyLAB boleh mencadangkan kumpulan penyelidik untuk memohon dana insentif maksimum sebanyak RM100,000.00 bagi tujuan '*last mile activities*' seperti berikut:
 - i. Pengesahsahihan jangkaan impak
 - ii. Promosi
 - iii. Pembungkusan produk
 - iv. Pembangunan perniagaan
 - v. Pengesahsahihan pasaran
 - vi. Pensijilan dan pematuhan

* Technology Readiness Level (TRL)

TRL LEVEL	DESCRIPTION	CHARACTERISATION
TRL 1	<i>Basic Principle</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Technology research</i> • <i>Pure science begins translation to R&D</i>
TRL 2	<i>Formulation of Concept</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Early studies for application formulation.</i> • <i>Invention & Practical Application Begins.</i>
TRL 3	<i>Experimental Proof of Concept</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Analytical validation & proof of concept</i> • <i>Start active research & development</i>
TRL 4	<i>Lab validation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Validation in laboratory environment</i> • <i>Ready to begin bridge for technology transition</i>
TRL 5	<i>Validation in real environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Validation in relevant environment</i> • <i>Ready to enter technology development</i>
TRL 6	<i>Demonstration in real environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Demonstrated in relevant environment</i> • <i>Ready to enter system development</i>
TRL 7	<i>Demonstration of prototype</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Demonstrated in operational environment</i> • <i>Ready for limited production decision</i>
TRL 8	<i>Product/System complete and qualified</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Compliant, qualified & test/demo complete</i> • <i>Ready for operational evaluation</i>
TRL 9	<i>Product/System proven</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Completed operational evaluation</i> • <i>Ready for full-rate</i>

Sumber : Adopted from NASA TRL.

**DELIVERABLES DAN PENCAPAIAN SELEPAS TEMPOH ENAM (6) BULAN
PERTAMA PELAKSANAAN PROJEK**

1. *Deliverables* serta pencapaian selepas tempoh enam (6) bulan pertama pelaksanaan projek merangkumi perkara-perkara seperti berikut :
 - a) Pencapaian semua aktiviti di bawah Milestone 1.
 - b) Penggunaan 80% daripada Dana Awal (*Seed Fund*) yang telah disalurkan.
 - c) MoA/MoU telah ditandatangani oleh universiti dan industri.
 - d) Spesifikasi teknikal bagi aset berkaitan di bawah Vot 35000 dikemukakan.
 - e) Bukti 5% sumbangan industri sama ada di bawah Vot 27000 atau Vot 35000.
 - f) Strategi pemasaran dan penanda aras produk (*product benchmarking*) oleh pihak kolaborator industri.
 - g) Hadir dan lulus kursus yang berkaitan keusahawanan/pengkomersialan.
 - h) Mengenal pasti produk/perkhidmatan yang berdaftar di portal MySTI (<https://www.mysti.gov.my>) yang relevan serta berkaitan dengan projek.
 - i) Laporan prestasi kemajuan dan kewangan projek perlu dikemukakan dengan lengkap dan secara bertulis (sehingga tarikh terkini) dan perlu disahkan oleh Pengarah TTO/RMC/pejabat setara di Universiti.
2. Ketua Projek juga perlu mengambil kira perkara-perkara seperti berikut semasa pembentangan prestasi kemajuan dan pencapaian projek :
 - a) Laporan prestasi kemajuan dan kewangan projek yang mengikut carta perbatuan (*milestone*) projek berdasarkan *deliverables* dan pencapaian selepas enam (6) bulan pertama pelaksanaan projek.
 - b) Peranan dan sumbangan industri (laporan aktiviti yang dilaksanakan).
 - c) Isu dan kaedah penyelesaian/langkah mitigasi.
 - d) Perancangan projek pada masa hadapan (*way forward*).
 - e) Lawatan pemantauan dan demonstrasi pengujian alat akan diadakan sekiranya perlu.

FORMAT LAPORAN KEWANGAN BAGI PROJEK *MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION* (MyLAB)

(NAMA UNIVERSITI)

(sehingga)

NAMA KETUA PROJEK :

TAJUK PROJEK :

TEMPOH PROJEK :

JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM) :

BIL.	PECAHAN VOT ASAL YANG DILULUSKAN (RM)								PECAHAN PERBELANJAAN (RM)								BAKI BELUM BELANJA (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	V11000	V21000	V24000	V27000	V28000	V29000	V35000	JUMLAH (RM)	V11000	V21000	V24000	V27000	V28000	V29000	V35000	JUMLAH (RM)		
JUMLAH PERBELANJAAN (RM)																		

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....
(KETUA PROJEK)

.....
(PENGARAH TTO/RMC)

**FORMAT LAPORAN KEMAJUAN PROJEK (MENGIKUT CARTA PERBATUAN)
BAGI PROJEK MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MyLAB)**

BIL.	AKTIVITI / PROJEK	TAHUN PERTAMA												TAHUN KEDUA												TEMPOH (BULAN)	CATATAN		
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12				
1.	<i>Contoh: (Aktiviti mengikut carta perbatuan asal)</i>																												
	<i>(Pencapaian/kemajuan)</i>																												

Penunjuk Pencapaian / Kemajuan Projek :

- Tercapai
- Dalam Tindakan
- Tidak Tercapai

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....
(KETUA PROJEK)

.....
(PENGARAH TTO/RMC)

**CONTOH FORMAT PENYEDIAAN LEMBARAN JANGKA (TERM SHEET)
PERJANJIAN PERLESENAN TEKNOLOGI ANTARA UNIVERSITI PENERAJU
DAN KOLABORATOR INDUSTRI BAGI PROJEK MALAYSIA LABORATORY
ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MyLAB)**

Tarikh Perbincangan :
Tajuk Projek :
Nama Ahli Kumpulan Penyelidik (Universiti Peneraju dan semua kolaborator) : **Ketua Projek (Universiti Peneraju)**
1.
Kolaborator
1.
2.
Industri kolaborasi :
Jenis Perjanjian :

MAKLUMAT PERJANJIAN

No.	Clause No.	Subject to Discuss	Offer		Consent
			Company	University	
1.		Definition of "License" (exclusive / non-exclusive)		(e.g., Non-exclusive/ Exclusive)	
2.		Territory		(e.g., Malaysia/World)	
3.		Right to Licensee (e.g: produce, manufacture, sell, distribute, market, promote)		(e.g., The Licensee will be given rights to use the IP (produce, manufacture, sell, distribute, market, promote and R&D. If R&D rights included: please refer to clause no....)	
4.		Duration of the Agreement		(e.g., 1 to 5 years)	
		Effective date of the Agreement		(e.g., Date of signing the Agreement - 1st payment to be made upon signing the Agreement)	
5.		Technology Development Milestone		(e.g.) 1) The Researcher to provide Technology Transfer Plan 2) The Licensee to provide: (a) milestone for R&D activity (if applicable) (b) commercialization activity	

No.	Clause No.	Subject to Discuss	Offer		Consent
			Company	University	
6.		Rights for improvement		(e.g.) Authorized Improvement: - a) Must have written approval from all patent owners b) Ownership of new patent arising from improvement: i. If the improvements done by University researchers: University ii. If the improvements solely done by the Licensee or collaboratively by both parties: University & Licensee	
7.		Licensing Fee		RM	
		Payment method		(e.g.) • Full payment upon signing the agreement OR • Staggered payment	
8.		Royalty Fee		___ % from gross sales	
		Payment method		(e.g., Twice Yearly, within 14 days after submitting Sales Report to University.)	
9.		Sales Report		(e.g., The Licensee shall maintain an accurate record of all the sales of the Product made by the Licensee or any other party and shall remit the same to University on a twice yearly.)	
10.	OTHERS	Involvement/ Consultancy		(e.g., If the Licensee need further involvement or consultancy from the Researchers, it will be detailed out in separate agreement.)	

*** Please take note that the Goods and Services Tax (GST) shall be borne by the Licensee.**

This term sheet is valid for thirty (30) days form the date stated:

**FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN AKHIR
PROJEK MALAYSIA LABORATORY ACADEMIA-BUSINESS
COLLABORATION (MyLAB)**

- A. Laporan akhir projek MyLAB adalah berbentuk *free-format* dan perlu mengandungi perkara-perkara seperti berikut:
1. Abstrak Kajian
 2. Ringkasan Eksekutif
 3. Hasil Projek:
 - i. Perjalanan projek;
 - ii. Kemajuan projek;
 - iii. “*Minimum viable product*” yang dihasilkan;
 - iv. Kajian/*survey* kepuasan pelanggan;
 - v. Harta Intelek;
 - vi. Perjanjian Pemindahan Teknologi (*Technology Transfer Agreement*)/Perjanjian Pengkomersialan (*Commercialisation Agreement*) antara Universiti Peneraju dengan kolaborator;
 - vii. Perancangan perniagaan jangka pendek dan jangka panjang; dan
 - viii. Perancangan aktiviti pengkomersialan selepas projek tamat.
 4. Laporan Kewangan dan Perolehan Aset
 5. Hasil Pengkomersialan (sekiranya ada)
 6. Sumbangan Sampingan
 7. Masalah dan Cadangan Penambahbaikan
 8. Video korporat yang berdurasi selama tiga (3) hingga lima (5) minit yang menunjukkan pencapaian, kejayaan dan jangkaan impak di akhir projek.
- B. Laporan akhir projek yang lengkap dan komprehensif perlu disediakan sebanyak **lima (5) salinan berkulit keras** dengan rekaan grafik yang menarik dan dikemukakan kepada urus setia MyLAB.

**MATRIKS/RUBRIK PEMARKAHAN PENCAPAIAN KESELURUHAN
PELAKSANAAN PROJEK *MALAYSIA LABORATORY ACADEMIA-BUSINESS
COLLABORATION (MyLAB)***

FAKTOR		KRITERIA	MARKAH	PENGUKURAN			
1	Pengurusan Projek (JUMLAH : 30%)	Dokumen - Invois, PO, DO - Pelantikan staf - Daftar Aset - Sumbangan 5% industri	Kesemua dokumen berkaitan difailkan dengan baik dan mudah dicapai	5	5	Difailkan dengan baik	
				3	3	Difailkan	
				0	0	Tidak difailkan	
			Laporan Kemajuan Projek	5	5	Menepati masa	
				3	3	70% menepati masa	
				0	0	Tidak menepati masa	
		Kewangan	Pencapaian perbatuan perbelanjaan seperti yang diluluskan	5	5	Seperti dijadualkan	
				3	3	70% mengikut jadual	
		0		0	Tidak mengikut jadual		
		Perbelanjaan seperti yang diluluskan	5	5	5	Seperti kelulusan	
				3	3	70% seperti kelulusan	
				0	0	Tidak mengikut kelulusan	
Kemajuan Projek	Pencapaian perbatuan seperti yang diluluskan	10	10	10	Seperti diluluskan		
			7	7	70% seperti kelulusan		
			5	5	50% seperti kelulusan		
			0	0	Lewat		
2	Teknologi (JUMLAH : 30%)	Harta Intelek (IP) Baharu	10	10	10	Sekurang-kurangnya 1 IP baharu difailkan (MyIPO)	
				7	7	Sekurang-kurangnya 1 IP baharu dihasilkan (TTO Universiti)	
				0	0	Tiada IP baharu	
		Pematuhan kepada piawaian	Piawaian teknikal	10	10	10	Mematuhi piawaian sedia ada
					0	0	Tidak mematuhi piawaian sedia ada
					NA	NA	Tiada piawaian berkaitan
		Memenuhi objektif, skop dan hasil projek	10	10	10	Memenuhi objektif, skop dan hasil projek asal	
				5	5	Terdapat perubahan objektif, skop dan hasil projek asal	
				0	0	Tidak memenuhi objektif, skop dan hasil projek asal	
3	Pra Pengkomersialan (JUMLAH 40%)	<i>Minimum Viable Product (MVP)</i>	30	30	30	Ada MVP, telah diuji dan diterima oleh pelanggan	
				20	20	Ada MVP dan telah diuji oleh pelanggan	
				10	10	Ada MVP dan belum diuji oleh pelanggan	
				0	0	Tiada MVP	
		Perjanjian Pelesenan Teknologi	10	10	10	Ditandatangani	
				5	5	Draf Perjanjian	
0	0	Tiada					
JUMLAH			100				

PENGLASIFIKASI

SKOR PEMARKAHAN	STATUS KEBERJAYAAN PROJEK
Kurang daripada 60	GAGAL
60 ke 79	SIAP
80 ke 89	BERJAYA
90 dan ke atas	CEMERLANG

**PERKARA-PERKARA YANG PERLU DINYATAKAN DALAM
PELAPORAN PROJEK *MALAYSIA LABORATORY ACADEMIA-BUSINESS
COLLABORATION (MyLAB)* DALAM TEMPOH DUA (2) TAHUN
SELEPAS PROJEK TAMAT**

A. Pelaporan projek MyLAB dalam tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat perlu merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

1. Maklumat projek
 - a) Projek/Produk MyLAB
 - b) Nama Ketua Projek
 - c) IPT
 - d) Industri
 - e) Tempoh projek yang diluluskan (berserta pelanjutan)
 - f) Status terkini
2. Harta Intelek
 - a) Jumlah sijil paten baharu yang diperolehi
 - b) Jumlah sijil paten baharu yang difailkan
 - c) Jumlah dan jenis harta intelek lain yang telah dan akan difailkan (selain dari paten, produk yg dikomersialkan, teknologi atau *know-how* yang dilesenkan)
3. Produk dikomersialkan
 - a) Teknologi atau *know-how* yang dilesenkan/dijual terus
 - b) Jumlah penajaan dan pulangan pendapatan (ROI)
4. Perundingan
 - a) jumlah pendapatan kasar daripada aktiviti pengkomersialan/ perlesenan teknologi pengetahuan/jualan terus (RM)
 - b) jumlah pendapatan kasar yang diterima melalui perundingan (RM)
5. Syarikat Terbitan/Syarikat *Spin-off* (sekiranya ada)
6. Kerjasama dengan industri
 - Penerbitan jurnal bersama industri (tempatan/antarabangsa)
7. Sebarang dana lain yang diterima bagi tujuan aktiviti pengkomersialan.
8. Sebarang kemajuan dan perkembangan projek sehingga pelaporan terkini selain perkara di No. 1 hingga 6 berbanding status projek semasa projek tamat.

**Catatan : Mohon sertakan dokumen sokongan sebagai bukti bagi setiap perkara yang berkaitan.*

B. Pelaporan perlu dikemukakan dan dibentangkan (sekiranya perlu) bagi **setiap enam (6) bulan** dalam tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA MyLAB
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT (BKPI)
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 W.P. PUTRAJAYA**

NO.TEL.: +603 – 8870 6979 / 6954 / 6956

NO. FAKS: +603 – 8870 6867

E-MEL: mylabbpki@mohe.gov.my

*Sebarang pindaan di dalam Garis Panduan Geran MyLAB (Pindaan Tahun 2024)
adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa
oleh pihak JPT, KPT.*